

# Malaysia masih ketinggalan

**K**ewujudan tabung atau dana endowmen dalam kalangan institusi pengajian tinggi terutamanya universiti awam di Malaysia masih agak baharu walaupun telah diamalkan secara meluas selama berabad di luar negara.

Malah, di Malaysia ramai yang kurang memahami tabung endowmen dan wakaf itu yang kini menjadi salah satu sumber alternatif pembiayaan di universiti sama ada untuk membantai operasi, penyelidikan dan sudah tentunya membantu golongan pelajar yang kurang berkemampuan.

Dengan beberapa universiti luar negara memiliki tabung endowmen mencecah nilai bilion, bagaimana pula di Malaysia?

Sejauh mana universiti awam di Malaysia menerokai dan menghidupkan budaya dana endowmen dan wakaf untuk kelangsungan pendidikan universiti dan anak bangsa?

Laporan Khas *Sinar Harian* minggu ini mengupas senario dana endowmen dan wakaf dalam kalangan universiti di tanah air.

**SHAH ALAM** - Sewaktu mendapat surat melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Mohamad Shafiq Baderol Shafeeri, 22, termenung jauh memikirkan kemampuan keluarganya.

Anak kepada pesara tentera itu, tahu yuran pengajian dan kos sara hidup di universiti bakal membebankan kedua ibu bapanya, apatah lagi beliau mempunyai enam adik beradik.

Namun, Mohamad Shafiq boleh menarik nafas lega selepas terpilih sebagai salah seorang penerima bantuan di bawah dana endowmen UIAM dikenali sebagai IIUM Endowment Fund (IEF).

Mohamad Syafiq berkata, beliau mendapat bantuan yuran pengajian, yuran hostel, yuran akademik dan bantuan sara hidup serta eluan buku sejak 2017 dana endowmen tersebut.

"Saya bersyukur setelah ditemuduga oleh IEF, saya terpilih untuk menerima bantuan IEF menerusi Lembaga Tabung Ang-

katan Tentera Ummatic Scholarship.

"Bantuan sara hidup saya terima setiap bulan sebanyak RM450, manakala eluan buku pula RM250 setiap semester," katanya di sini baru-baru ini.

Hari ini tekanan dan kos sara hidup yang meningkat menyebabkan dana endowmen dan wakaf di institusi pengajian tinggi terutama universiti awam di Malaysia semakin relevan.

Selain UIAM yang memiliki IEF, terbaru pada Julai lalu, Lembaga Pengarah Universiti Malaya (UM) melancarkan Universiti Malaya Endowment Fund (UMEF).

Namun begitu, dengan konsep dana endowmen atau wakaf di institusi pengajian tinggi masih dianggap hijau hakikatnya universiti di luar negara jauh ke depan.

Bayangkan dana endowmen Universiti Harvard sahaja mencatatkan sebanyak AS\$38.3 bilion (RM161.11 bilion) manakala Universiti Stanford sebanyak AS\$26.46 bilion (RM111.30 bilion).



Penaung Persatuan Alumni Universiti Malaya, Datuk Seri Anwar Ibrahim (empat dari kanan) dalam majlis pelancaran University Malaya Endowment Fund pada Julai lalu.

Timbalan Dekan (Pembangunan Program dan Hubungan Pelanggan) Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Aminah Md Yusof berkata, nilai endowmen Universiti Harvard sangat besar melebihi nilai diperuntukkan kepada seluruh universiti awam di Australia.

"Antara penyumbang bagi dana di Universiti Harvard itu ialah Melinda Gates, David Rockefeller dan sumbangan terbanyak adalah daripada John A Paulson iaitu alumni yang menderma sebanyak AS\$400 juta.

"Mengikut kedudukan nilai dana endowmen tertinggi dunia, Universiti Harvard menduduki tempat pertama dengan nilai kira-kira AS\$38.3 bilion, University of Texas System (AS\$30 bilion) dan Universiti Yale (AS\$29 bilion)," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Aminah berkata, seperti mana dilaporkan pada 2017, jumlah endowmen bagi 20 universiti

membayar pendidikan mereka.

"Universiti di Malaysia telah lama selesa bergantung kepada peruntukan kerajaan dan tidak nampak perlunya menampung diri sendiri sehingga peruntukan dikurangkan," katanya.

Bagaimanapun katanya, penjanaan dana universiti melalui sistem wakaf telah ada di Malaysia.

"Keduanya (wakaf dan endowmen) pada dasarnya sama tetapi terdapat perbezaan ketara antara keduanya," katanya.

Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Razali Othman berkata, konsep endowmen dan wakaf ialah satu bentuk penjanaan dana yang boleh dilaksanakan di setiap universiti di negara ini.

"Namun dalam konteks wakaf, syarat bagi penyumbangnya ialah harta yang disumbangkan perlu mematuhi syarak manakala, dana endowmen tidak menitikberatkan sumber yang perlu mematuhi syarak," katanya.



AMINAH

awam di negara ini ialah sebanyak RM1.85 bilion dengan endowmen tertinggi dicatatkan oleh Universiti Malaya iaitu sebanyak RM1.6 bilion dan kedua tertinggi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebanyak RM71 juta.

"Alumni kurang menyumbang mungkin disebabkan faktor kewangan, selain rasa keberhutangan budi kepada universiti agak kurang kerana pelajar terpaksa menanggung hutang untuk



Rektor UIAM, Prof Datuk Dr Zaleha Kamarudin (kiri) menerima sumbangan daripada IQRAA oleh Pengarah Tajaan IQRAA, Dr Awad Al-Thubaity pada 2018.

## Saiz endowmen universiti di Amerika Syarikat tahun 2017 dan 2018

SENARAI	2018	2017
1. Harvard University	AS\$38.3 bilion	AS\$36.02 bilion
2. University of Texas System	AS\$30.88 billion	AS\$26.53 billion
3. Yale University	AS\$29.35 billion	AS\$27.17 billion
4. Stanford University	AS\$26.46 billion	AS\$24.78 billion
5. Princeton University	AS\$25.91 billion	AS\$23.81 billion
6. Massachusetts Institute of Technology	AS\$16.52 billion	AS\$14.96 billion
7. University of Pennsylvania	AS\$13.77 billion	AS\$12.21 billion
8. Texas A&M University ( <i>System and Foundation</i> )	AS\$13.52 billion	AS\$11.55 billion
9. University of Michigan ( <i>semua kampus</i> )	AS\$11.9 billion	AS\$10.93 billion
10. North Western University	AS\$11.08 billion	AS\$10.43 billion